

07 JUN 2002

Mahathir-Vatican/I

MALAYSIA DAN VATICAN MAHU CAMPUR TANGAN PIHAK KETIGA DALAM ISU PALESTIN

Oleh: Mahrus Ibrahim

VATICAN CITY, 7 Jun (Bernama) -- Vatican berkongsi pandangan dengan Malaysia bahawa perlu ada campur tangan pihak ketiga bagi memisahkan "kumpulan yang bertempur" dalam isu Palestin, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka juga bersetuju bahawa pihak ketiga itu mesti berusaha menamatkan keganasan di Palestin menerusi rundingan, katanya kepada pemberita selepas pertemuan empat mata dengan Pope John Paul II di kediaman paus itu di sini.

Perdana Menteri juga mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Negara Vatican, Cardinal Angelo Sodano dan para pegawai Vatican yang lain.

Lawatan Dr Mahathir ke sini adalah bagi memenuhi undangan Pope yang berusia 82 tahun itu.

Dr Mahathir berkata isu Palestin dibincangkan dengan panjang lebar semasa pertemuan dengan Cardinal Sodano.

"Apabila saya berjumpa Pope, Saya terus membuat rayuan supaya keganasan di Palestin dihentikan begitu juga dengan tindakan Israel ke atas rakyat Palestin," katanya.

Malaysia dan Vatican bersetuju bahawa punca keganasan perlu dihapuskan, kata Dr Mahathir kepada pemberita yang menunggunya di luar bangunan paus yang telah berusia berabad lamanya itu.

Perdana Menteri berkata isu Palestin bukan isu berkisar dengan Islam sahaja tetapi sebenarnya membabitkan persoalan rakyat yang kehilangan tanah air kerana rakyat Palestin telah diusir dari negara sendiri.

"Ia bukan sangat berkaitan agama, ia perjuangan penduduk yang ingin mendapatkan kembali wilayah mereka," katanya.

Bagaimanapun, kerana kebanyakan rakyat Palestini beragama Islam, ia mendapat simpati saudara seagama dari seluruh dunia, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana lawatannya ke sini berhasil.

"Kita telah dapat kemukakan pandangan kita," katanya.

Menjawab soalan sama ada hubungan diplomatik dibincangkan, Dr Mahathir berkata Vatican tidak membuat sebarang permintaan mengenainya.

"Tetapi mereka berharap hubungan masa depan akan dipertingkatkan," katanya.

Ditanya sama ada beliau mengundang Pope untuk melawat Malaysia, Perdana Menteri berkata beliau percaya Pope tidak akan dapat memenuhi undangan seperti itu.

"Tetapi dia memberitahu bahawa dia pernah melawat Malaysia semasa belum menjadi Pope," tambah Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MAI MAI MOZ